

# Sekitar Perpustakaan Un

Diselenggarakan oleh **Nazirah Zainul Abidin** [nazirab@unimap.edu.my](mailto:nazirab@unimap.edu.my)  
dan **Shahirah Shafie** [shahirah@unimap.edu.my](mailto:shahirah@unimap.edu.my)

## PAMERAN MINGGU SUAI KENAL



**25 - 26 Jun 2008** Perpustakaan seperti tahun-tahun sebelumnya berpeluang mendekati pelajar baru sesi Julai 2008/2009 di pameran sempena **Minggu Suai Kenal** pada 29 Jun 2008 bertempat di Kampung Wai. Pusat Pengajian dan pelbagai Jabatan turut menyertai pameran ini. Perpustakaan menggunakan peluang ini memperkenalkan kemudahan, perkhidmatan dan koleksi Perpustakaan terutamanya akses kepada **e-Resources** yang mendapat sambutan menggalakkan dari pensyarah UniMAP. **Booth** Perpustakaan kali ini yang berkonsepkan **'giant book'** turut menarik minat para pelajar dan ibu bapa untuk bergambar.



## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

**25 Mac 2008** Anugerah Seri Gemilang UniMAP 2007 telah berlangsung dengan penuh gilang-gemilang pada 25 Mac 2008 yang lalu bertempat di Dewan 2020, Kangar, Perlis. Majlis ini telah diserikan dengan keberangkatan DYT M Canselor UniMAP dan DYT M Raja Puan Muda Perlis selaku tamu kehormat serta YAB Menteri Besar Perlis dan isteri serta beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Seramai dua (2) orang staf Perpustakaan telah terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Mereka ialah **Puan Mazmin Mat Akhir**, Pustakawan Kanan serta **Puan Nani Maslina Sulaiman Najidi**, Pembantu Tadbir (P/O). Sekalung ucapan tahniah diucapkan kepada mereka.

## LATIHAN PANGKALAN DATA

**Jun 2008** Sepanjang Jun hingga Ogos 2008, Perpustakaan telah menganjurkan 4 sesi latihan pangkalan data:

- 23 Jun 2008 - Latihan Pangkalan Data **ASTM International & Oxford Reference Online**
- 17 Julai 2008 - Latihan Pangkalan Data **MS Online**
- 13 Ogos 2008 - Latihan Pangkalan Data **ISI Web of Knowledge : Journal Citation Report**
- 25 Ogos 2008 - Latihan Pangkalan Data **Wiley Interscience**

## LAWATAN DARI UNIVERSITI, SEKOLAH DAN KORPORAT

**Januari - Ogos 2007** Perpustakaan UniMAP menerima kunjungan dari pelbagai universiti, sekolah dan pihak korporat.

Antara institusi yang telah mengunjungi perpustakaan ialah :

- > **Universiti Malaysia Kelantan**
- > **Universiti Negeri Semarang, Indonesia**
- > **Universiti Industri Selangor (UNISEL)**
- > **Institut Teknologi, Medan**
- > **University of Technology, Sydney**
- > **King Mongkut's University of Technology Thonburi Bangkok, Thailand**
- > **Perpustakaan Universiti Malaya**
- > **Life Tech, Kuala Lumpur**
- > **NCUK Manchester, UK**
- > **Inter Community School, Zurich**
- > **Wall Street, New York City**
- > **Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Hj Zainul Ariff Hj Hussain (Pengerusi LPU UniMAP) dan isteri, Y. Bhg Puan Sri Norhainy Omar**
- > **SMK Putri Saadong, Kelantan**
- > **SMK Hosba, Jitra, Kedah**

## SEMINAR PERKHIDMATAN MAKLUMAT 2008

Seminar Perkhidmatan Maklumat 2008 dianjurkan khusus untuk memberi pendedahan mengenai beberapa aspek perkembangan perkhidmatan maklumat meliputi fokus pengguna, aplikasi IT, perkembangan Internet dan pemantapan kualiti perkhidmatan. Objektif utama seminar ini termasuklah untuk memberi pendedahan



mengenai perkembangan peranan perkhidmatan maklumat selaras dengan pembangunan pengajian tinggi negara, memberi pendedahan mengenai aplikasi ICT terkini bagi membantu meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, memberi penekanan terhadap kepentingan jaminan serta kawalan kualiti dalam penyampaian perkhidmatan maklumat dan berkongsi pengalaman berkaitan amalan penyampaian perkhidmatan maklumat di perpustakaan terpilih. Seramai 85 orang peserta terdiri daripada Pustakawan, Pegawai Perpustakaan dan Pembantu Perpustakaan telah menghadiri seminar ini yang telah diadakan di Brasmana Hall, Hotel Putra Brasmana pada 03 Jun 2008. Ketua Pustakawan UPM, **Encik Amir Hussain Md Ishak** telah membentangkan kertas kerja bertajuk **"Kepentingan Perkhidmatan Maklumat dalam Pencapaian Teras Strategik Pengajian Tinggi Negara"** diikuti oleh **Puan Ruzita Ramly** dari Open Universiti dengan kertas kerja bertajuk **"Penyampaian Perkhidmatan Maklumat Secara Jarak Jauh : Pendekatan Universiti Terbuka Malaysia"**. Sesi petang dimulakan dengan pembentangan daripada **Encik Zulkefli Mohd Yusop**, Pensyarah Fakulti Pengajian Maklumat UiTM dengan kertas kerja bertajuk **"Web 2.0 dalam Penyampaian Perkhidmatan Maklumat"** dan diikuti oleh **Puan Rusliza Yaacob** dengan kertas kerja bertajuk **"Jaminan Kualiti dalam Penyampaian Perkhidmatan Maklumat"**.



## Cadangan Perolehan Bahan

Diselaraskan oleh **Hasdarinar Abdul Jalal** [hasdarinar@unimap.edu.my](mailto:hasdarinar@unimap.edu.my)

### LAWATAN KE GALERIA PERDANA

Seramai 24 orang **staf Perpustakaan** dan sebilangan Ahli Jawatankuasa **Special Interest Group (SIG) Kejuruteraan** telah menyertai Lawatan ke Galeria Perdana di Langkawi pada 04 Jun 2008. Antara objektif utama lawatan ini termasuklah untuk mendapatkan pendedahan mengenai jenis-jenis bahan yang dijadikan pameran, mendapatkan maklumat mengenai jenis-jenis kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan serta mempelajari teknik peragaan bersesuaian dengan bahan pameran.



### PERPUSTAKAAN UniMAP MENERIMA 3 ORANG STAF BARU

Perpustakaan UniMAP telah menerima tiga (3) orang Pustakawan baru. Mereka ialah **Cik Azni Yantee Abd Raoh** yang ditempatkan di Unit Katalog dan Metadata, **Puan Suhaidah Mat Rus @ Darus** ditempatkan di Unit Sistem dan **Cik Maziah Md Isa** pula ditempatkan di Unit Runding Maklumat. Selamat datang diucapkan kepada mereka!



Azni



Suhaidah



Maziah

### CADANGAN ANDA AMAT BERMAKNA!

Pembangunan koleksi merupakan peranan penting perpustakaan dalam memenuhi keperluan maklumat dalam aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan di UniMAP. Pembangunan koleksi melibatkan proses perolehan bahan yang relevan kepada komuniti UniMAP.

#### BAGAIMANA IA DILAKSANAKAN?

Pada masa ini, perpustakaan memanfaatkan beberapa sumber pemilihan bahan bacaan meliputi Borang Penawaran Kursus Baru (HEA-01) dan Buku Panduan Akademik.

Sumber perolehan perpustakaan sebenarnya bergantung penuh kepada cadangan perolehan daripada staf akademik. Pendekatan ini amat relevan memandangkan staf akademik memainkan peranan aktif dalam pembangunan modul pengajaran. Kumpulan ini juga berinteraksi secara langsung dengan para pelajar dan lebih arif tentang keperluan maklumat mereka. Dalam persekitaran Universiti, staf akademik juga merupakan para penyelidik yang lebih memahami liputan bahan bacaan untuk tujuan penyelidikan dan perundingan.

#### BAGAIMANA STAF AKADEMIK MENYUMBANGKAN CADANGAN?



##### Katalog Penerbit

Pensyarah hanya perlu menurunkan tandatangan dan cop pada katalog penerbit yang dihantar kepada wakil perpustakaan. Katalog ini kemudiannya dikembalikan ke perpustakaan untuk proses semakan dan perolehan.



##### Email

Pensyarah hanya perlu menghantar email kepada [suggestabook@unimap.edu.my](mailto:suggestabook@unimap.edu.my). Maklumat lengkap seperti berikut diperlukan :

- Judul
- Nama Pengarang
- ISBN
- Tahun Penerbitan
- Edisi



##### Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur

Perpustakaan akan menghantar jemputan kepada dekan untuk menamakan wakil-wakil pusat pengajian yang akan membuat pemilihan buku.



##### Pameran dan Pemilihan Buku Dalaman

Pensyarah berpeluang untuk melihat secara dekat bahan berkenaan. Buku yang dipilih akan terus disemak dan diproses untuk pembelian.

#### Memahami Tempoh Perolehan Bahan

Tempoh penerimaan bahan bacaan mengambil masa agak lama memandangkan ia melibatkan proses pesanan dan perolehan melalui pembekal yang dilantik. Ia bukanlah seperti sepantas membeli bahan di gedung buku!

#### Bahan Terbitan Tempatan

Bagi bahan bacaan yang sedia ada di pasaran Malaysia, ia mungkin akan mengambil masa selama satu (1) bulan. Manakala bagi bahan bacaan yang berada di luar negara, ia pula mungkin mengambil masa dalam **dua (2) hingga enam (6) bulan**.

#### Bahan Terbitan Luar Negara

Justeru, Perpustakaan amat mengalu-alukan pensyarah untuk memberikan cadangan pembelian seawal mungkin supaya bahan bacaan yang dicadangkan sampai pada masa yang diperlukan.